

Penyerapan Elemen Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional: Satu Kajian Analisis Keperluan Terhadap Guru Bahasa Melayu

Mohd Khairul Abdul Wahab¹, Mohd Rashid Md Idris², Abdul Kadir Ariffin³

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris¹²³

khairulpsi@gmail.com¹

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keperluan pembangunan model Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional berdasarkan pandangan guru Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Tatacara penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian reka bentuk dan untuk tujuan pembangunan model. Berpandukan kaedah ini fasa analisis keperluan merupakan fasa pertama daripada tiga fasa yang dijalankan bagi memastikan model yang akan dibangunkan boleh menepati kehendak pengguna. Dalam fasa analisis keperluan ini, pengumpulan data dijalankan melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik ke atas 200 orang peserta kajian yang meliputi guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perak. Analisis data dibahagikan kepada 4 tema utama, iaitu: (1) Persepsi guru tentang konsep Falsafah Bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu, (2) Persepsi guru terhadap konsep penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan pendidikan Bahasa Melayu, (3) Tahap kemahiran guru berkaitan pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa dalam proses pengajaran bahasa Melayu, (4) Tahap penerimaan guru terhadap penyerapan elemen Falsafah Bahasa sebagai strategi penyatupaduan Nasional. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa model Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional berpotensi untuk dibangunkan. Hasil dapatkan juga akan digunakan dalam fasa pembinaan model prototaip di fasa berikutnya. Penemuan ini dijangka dapat memberikan gambaran bahawa pembangunan model Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional ini diperlukan untuk memupuk penyatupaduan dalam kalangan murid pelbagai etnik berdasarkan pandangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di kawasan Bandar dan luar bandar.

Kata kunci: *falsafah bahasa; bahasa Melayu; penyatupaduan nasional, guru Bahasa Melayu.*

ABSTRACT

This research intended to survey the need for developing a model of Languange Philosophy based on the views of Bahasa Melayu teachers in Sekolah Kebangsaan and Sekolah Jenis Kebangsaan (vernacular-based school). The methodology for this research in developing the model was based on the design and development research approach. Based on this method, the requirement analysis phase is the first phase from three phases that are proceed to ensure the products or model that would be develop is accurate to the users specification. In the phase of requirement analysis, the data collection that was done had been using a survey of 200 Bahasa Melayu Teachers that teach in Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) in Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perak. The data analysis had been divided into four main theme, which are: (1) Teachers' perception on the Language Philosophy in teaching Bahasa Melayu, (2) Teachers' perception on the concept of National Unity in relation to the

Bahasa Melayu Education (3) The skill level of teachers related to the elements of language philosophy to be implemented in the teaching process of Malay language (4) Level of teachers' reception on absorbance of Language Philosophy elements in Bahasa Melayu subject as a strategy for National Unity. The research outcome shows that the Language Philosophy has the potential to be developed. The research outcome would also be used in the building phase of the model prototype in the next phase. The outcome is predicted to give a picture of the requirement for the development of the Language Philosophy model in order for the unity among the multi-ethnic students based on the perception of Bahasa Melayu teachers.

Keyword: *language philosophy; bahasa Melayu; national unity; Bahasa Melayu Teachers*

PENGENALAN

Bidang pendidikan merupakan asas penyatupaduan masyarakat pelbagai etnik. Untuk mencapai matlamat ini, negara seperti Perancis, Amerika Syarikat, Indonesia dan Thailand berterusan mempraktikkan perlaksanaan pelbagai dasar pendidikan untuk penyatupaduan pelbagai etnik di negara mereka walaupun penerimaannya sehingga kini mencetuskan pelbagai polemik (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, sistem persekolahan pelbagai aliran, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) (seterusnya digunakan rujukan singkat SK, SJKC dan SJKT) masih lagi dikekalkan. Dalam hal ini, Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin (2011) menegaskan bahawa sekolah sebagai asas permulaan membina hubungan baik antara murid pelbagai etnik. Di sekolah mereka dapat beramah mesra, bergaul, bersukan, makan bersama, saling berkenalan antara satu sama lain seterusnya mampu merapatkan hubungan silaturahim. Namun begitu, kewujudan sekolah yang pelbagai aliran seperti Sekolah Kebangsaan, SJKC dan SJKT telah menjaskankan penyatupaduan kaum di Malaysia.

Memandangkan usaha untuk mewujudkan sekolah satu aliran terlalu rumit dan sukar untuk direalisasikan di negara ini, maka usaha penyatupaduan dalam kepelbagai etnik yang telah sedia ada harus dipertahankan dan dilakukan penambahbaikan. Dalam hal ini, strategi baharu perlu dilaksanakan untuk mengisi kelompongan usaha-usaha penyatupaduan yang telah sedia ada. Antara usaha yang perlu diketengahkan ialah penyatupaduan nasional melalui bahasa Melayu. Hal ini selari dengan penegasan yang dibuat oleh Awang Sariyan (2010), iaitu aspek yang kurang diperhatikan dan disedari tentang kejayaan sistem pendidikan negara yang berbahasa pengantar bahasa Melayu ialah terbentuknya kesatuan sikap, pemikiran, sistem nilai dan pandangan sarwa dalam kalangan generasi muda di Malaysia. Selain itu, bahasa Melayu juga mampu membentuk budaya berbahasa yang relatif seragam dan sebahagian prasangka perkauman dapat diatasi oleh faktor bahasa.

Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengetengahkan penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penyatupaduan Nasional. Ini kerana, intipati yang terkandung dalam bahasa menerusi falsafahnya akan menjadi sebagai satu rangsangan kepada murid untuk membina semangat nasionalisme dan patriotisme kepada negara di samping berupaya memperkembangkan sepenuhnya potensi mereka (Hashim Musa, 2006).

LATAR BELAKANG

Kajian analisis keperluan merupakan fasa pertama dalam kajian reka bentuk dan pembangunan model. Fasa analisis keperluan ini dijalankan untuk mengumpulkan maklumat dalam konteks dan persekitaran yang hendak dikaji (Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy De Witt dan Zaharah Hussin, 2013; Aliza Ali dan Zamri Mahamod, 2015). Gagne et al. (2005) pula berpendapat fasa analisis keperluan ini memberikan maklumat yang penting dalam menentukan reka bentuk dan pembangunan bahan instruksi pada fasa berikutnya.

Dalam konteks kajian ini, fasa analisis keperluan dijalankan pada permulaan kajian pembangunan model bagi mendapatkan maklumat daripada guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di kawasan bandar dan luar bandar terhadap persepsi mereka berkaitan konsep Falsafah Bahasa dalam pendidikan bahasa Melayu, konsep penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan pendidikan bahasa Melayu, tahap kemahiran mereka apabila elemen Falsafah Bahasa diserapkan dalam pengajaran bahasa Melayu serta yang lebih penting ialah tahap penerimaan guru bahasa Melayu terhadap penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai strategi penyatupaduan Nasional.

Jelaslah bahawa kumpulan sasaran berupaya memberi maklumat yang berguna untuk membangunkan model yang dapat memenuhi keperluan pengguna (Aliza Ali dan Zamri Mahamod, 2015). Ini disokong oleh Rashidah Mamat (2013) yang menyatakan bahawa fasa analisis keperluan merupakan fasa pertama kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti beberapa aspek yang berkaitan dengan kumpulan sasaran. Dengan itu, dapatan dan maklumat dalam fasa analisis keperluan akan digunakan pada fasa reka bentuk dan pembangunan model (De Witt, 2010).

PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan utama dalam kajian ini ialah berkaitan penumpuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang terlalu menitikberatkan aspek pragmatis seperti penguasaan sistem bahasa dan kemahiran berbahasa mengakibatkan kurangnya perhatian terhadap aspek falsafah yang mendasari aspek pragmatis dan teknis dalam bidang pendidikan bahasa Melayu. Ini disokong oleh Awang Sariyan (2004;2014), iaitu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang hanya menitikberatkan penguasaan sistem bahasa dan kemahiran berbahasa hanya mampu melahirkan murid yang mampu menguasai bahasa untuk tujuan praktis, seperti untuk lulus dalam peperiksaan dan syarat mengisi keperluan pekerjaan. Matlamat pendidikan bahasa bukan sekadar untuk melahirkan murid yang menguasai sistem dan kemahiran bahasa tetapi membentuk murid yang bersahsiah tinggi, mempunyai semangat nasionalisme terhadap negara, dan suburnya tradisi pemikiran dan budaya ilmu melalui kreativiti bahasa. Umum menyedari bahawa persepsi oleh sesetengah pihak, khususnya dalam kalangan bukan Melayu, bahawa peranan bahasa Melayu di negara ini adalah semata-mata untuk tujuan komunikasi antara rakyat. Dalam hal ini, Teo Kok Seong (2015) menegaskan bahawa pemahaman ini bukan sahaja dangkal malah jelas memperlihatkan betapa jahilnya beberapa pihak tertentu mengenai hubungan antara nasionalisme dan patriotisme dengan bahasa negara, iaitu bahasa Melayu. Ini disokong oleh Awang Sariyan (2014) yang menyatakan bahawa “bahasa bukan sekadar alat komunikasi sebagaimana yang difahami oleh sesetengah kalangan, malahan merupakan juzuk penting dalam pembinaan diri insan dan selanjutnya dalam pembangunan masyarakat dan negara”.

Dalam konteks kajian ini, penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu perlu diketengahkan kepada murid agar dapat melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek sistem bahasa malahan dapat membentuk murid yang berakhhlak mulia di peringkat individu dan masyarakat. Jadi, kajian analisis keperluan wajar dilakukan bagi mengenalpasti kefahaman, penerimaan dan kesediaan guru Bahasa Melayu terhadap usaha ini sebelum fasa pembangunan model dijalankan. Kajian yang diusahakan ini bertepatan dengan penegasan yang dikemukakan oleh Shamsul Amri (2014), iaitu perpaduan itu adalah sukar dan mengambil waktu untuk mencapainya. Justeru itu, segala usaha yang dilaksanakan hanya boleh membawakan kesepaduan sosial, yang dianggap sebagai tahap sebelum atau prasyarat kepada perpaduan. Dalam tahap ini, banyak perkara yang mesti diselesaikan kerana terdapat berbagai kontradiksi yang terkandung dalam kesepaduan itu. Usaha -usaha inilah yang bergerak sebagai proses penyatupaduan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian reka bentuk dan pembangunan model melibatkan beberapa fasa dan setiap fasa menggunakan metodologi yang berbeza bagi tujuan pengumpulan data (Saedah et al. 2013, Aliza dan Zamri 2015). Kajian analisis keperluan dijalankan bagi mendapatkan data tentang keperluan model dan spesifikasi model yang akan dibangunkan (Aliza dan Zamri 2015). Hal ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Saedah et.al. (2013), iaitu analisis keperluan dijalankan bagi mengenal pasti keperluan model sebelum model dibangunkan dan dinilai dalam fasa seterusnya. Justeru, dalam kajian ini, objektif kajian dalam fasa analisis keperluan adalah untuk meninjau keperluan model Falsafah Bahasa yang akan digunakan untuk penyatupaduan Nasional berdasarkan pandangan guru Bahasa Melayu. Berdasarkan objektif kajian ini, kajian ini berusaha untuk menjawab soalan kajian berikut:

1. Sejauhmanakah persepsi guru tentang konsep Falsafah Bahasa dalam pendidikan bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah persepsi guru terhadap konsep penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan pendidikan bahasa Melayu?
3. Apakah tahap kemahiran guru berkaitan pelaksanaan penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam proses pengajaran bahasa Melayu?
4. Apakah tahap penerimaan guru tehadap pelaksanaan penyerapan elemen Falsafah Bahasa sebagai strategi penyatupaduan Nasional?

KEPENTINGAN KAJIAN

Pada asasnya, kajian terhadap bidang Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional masih belum dilaksanakan. Justeru itu, kajian ini akan membangunkan model Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional. Selain itu, dapatan kajian ini turut menyumbang maklumat tentang isu-isu yang harus dipertimbangkan dari aspek keperluan, pengetahuan, penerimaan dan kesediaan guru Bahasa Melayu menyerapkan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu. Ini disokong oleh Awang Sariyan (2004; 2014) yang berpendapat bahawa sistem pendidikan bahasa yang terlalu menitikberatkan aspek pragmatis, iaitu dari aspek perkaedahan dalam pengajaran bahasa menyebabkan perhatian terhadap aspek falsafah yang mendasari segala aspek pragmatis dan teknis dalam bidang pendidikan bahasa kurang diberikan perhatian.

Selain itu, diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan garis panduan kepada perancang dan penggubal dasar dan kurikulum untuk mengenalpasti aspek-aspek penting yang perlu diberi penekanan untuk memastikan strategi yang diketengahkan dalam kajian ini dapat

digabungjalinkan dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Ini bermaksud semasa pengajaran Bahasa Melayu, murid bukan sahaja belajar aspek pragmatis, iaitu dari aspek perkaedahan dalam pengajaran bahasa malahan mereka dapat diserapkan dengan elemen nasionalis melalui Bahasa Melayu selaku bahasa negara Malaysia.

METODOLOGI

Bahagian ini memaparkan perbincangan seperti berikut:

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif dan dilaksanakan untuk tujuan penerokaan pandangan guru Bahasa Melayu mengenai keperluan pelaksanaan penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu untuk tujuan penyatupaduan Nasional. Kajian berbentuk deskriptif ini adalah bersesuaian untuk membuat penilaian terhadap kemajuan sesuatu kejadian (Ary dan Jacobs (1990). Ini disokong oleh Muhammad Faizal A.Ghani dan Abd. Khalil Adnan (2015), kaedah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan digunakan untuk mengutip data bagi menerangkan kewujudan yang berlaku mengenai sesuatu pembolehubah. Penganalisisan terhadap gabungan prinsip asas Falsafah Bahasa yang dikemukakan dalam kerangka model Falsafah Pendidikan Bahasa (Awang Sariyan,1997;2004) dan Model Falsafah Bahasa (Mohd Rashid Md Idris, 2007;2012) menjadi asas penyelidikan dalam usaha mendapatkan maklum balas berkaitan tahap persetujuan dan interpretasi peserta kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu terhadap usaha pembangunan model Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional. Dapatan dalam fasa ini adalah penting untuk menyokong usaha membangunkan model di fasa berikutnya. Prinsip Asas Falsafah yang dikemukakan adalah seperti berikut.

Prinsip Asas Falsafah Bahasa

- Prinsip 1 : Pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan.
- Prinsip 2 : Pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembanganpotensi individu).
- Prinsip 3 : Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum.
- Prinsip 4 : Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu.
- Prinsip 5 : Berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya.
- Prinsip 6 : Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Sampel Kajian

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terlebih dahulu untuk menguji dan membina keberkesanan alat kajian serta memperbaiki dan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur (Fraenkel, Jack R. dan Wallen, 1993). Justeru itu, untuk tujuan kesahan dalaman instrumen soal selidik yang digunakan oleh pengkaji telah dibincangkan bersama tiga orang pakar, seorang profesor madya dalam bidang pendidikan, profesor emeritus dalam bidang Falsafah Bahasa dan profesor emeritus dalam bidang Linguistik Nasionalis. Kemudianya, kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan sampel seramai 40 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di SMK, SK, SJK (C) dan SJK (T) di daerah Batang Padang, Perak. Hasil analisis ujian kebolehpercayaan terhadap data rintis menunjukkan nilai alpha cronbach dengan julat antara .695 hingga .916. Ia bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Faizal A.Ghani (2008) serta Sekaran (2000), bahawa sesuatu

kajian yang baik tidak menerima pakai nilai *Alpha Cronbach* yang rendah, iaitu indeksnya kurang daripada 0.60. Ini kerana nilai pekali yang terlalu rendah menunjukkan tahap keupayaan item instrumen kajian untuk mengukur konsep dalam kajian adalah rendah (Chua, 2006).

Selepas beberapa pengubahsuaian dari hasil dapatan kajian rintis pengkaji memulakan fasa analisis keperluan ini meliputi 200 orang peserta kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Negeri Sembilan. Peserta kajian dibahagikan kepada peserta kajian di kawasan bandar dan luar Bandar.

Jadual 1: Pemilihan Sampel Sekolah Berdasarkan Zon dan Jenis Sekolah di Bandar

Jenis Sekolah	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
SK	1	1	1	2
SMK	1	1	1	2
SJKC	1	1	1	1
SJKT	1	1	1	-
Jumlah	4	4	4	5

Jenis Sekolah-bandar	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
Sekolah Kebangsaan (SK)	1	1	1	2
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	1	1	1	2
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	1	1	1	1
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	1	1	1	-
Jumlah	4	4	4	5

Jadual 2: Pemilihan Sampel Sekolah Berdasarkan Zon dan Jenis Sekolah di Luar Bandar

Jenis Sekolah	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
SK	1	1	1	2
SMK	1	1	1	2
SJKC	1	1	1	1
SJKT	1	1	1	-
Jumlah	4	4	4	5

Jenis Sekolah– luar bandar	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
Sekolah Kebangsaan (SK)	1	1	1	2
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	1	1	1	2
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	1	1	1	1
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	1	1	1	-
Jumlah	4	4	4	5

Berdasarkan jadual 1 dan 2 sebanyak 34 buah sekolah telah terlibat dalam kajian ini. Namun begitu, di Zon Timur, iaitu di negeri Kelantan hanya terdapat satu sahaja Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan berada agak di pedalaman. Justeru pengkaji mengambil inisiatif untuk menambah bilangan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan bagi kedua-dua lokasi bandar dan luar bandar bagi menggantikan peserta kajian yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Jadual 3: Taburan Sampel peserta kajian Berdasarkan Zon dan Jenis Sekolah di Bandar

Jenis Sekolah	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
SK	9	10	10	10
SMK	7	8	9	10
SJKC	5	4	3	5
SJKT	4	3	3	-
Jumlah	25	25	25	25

Jenis Sekolah/ Peserta Kajian	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
Sekolah Kebangsaan (SK)	9	10	10	10
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	7	8	9	10
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	5	4	3	5
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	4	3	3	-
Jumlah	25	25	25	25

Jadual 4: Taburan Sampel peserta kajian Berdasarkan Zon dan Jenis Sekolah di Luar Bandar

Jenis Sekolah	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
SK	10	10	8	10
SMK	7	8	8	10
SJKC	5	3	5	5
SJKT	3	4	4	-
Jumlah	25	25	25	25

Jenis Sekolah/ Peserta Kajian	Zon Utara	Zon Barat	Zon Selatan	Zon Timur
Sekolah Kebangsaan (SK)	10	10	8	10
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	7	8	8	10
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	5	3	5	5
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	3	4	4	-
Jumlah	25	25	25	25

Berdasarkan jadual 3 dan 4 menunjukkan taburan sampel kajian berdasarkan zon dan jenis sekolah di Bandar dan luar Bandar. Asas penetapan jumlah sampel kajian ini berdasarkan pandangan Scheaffer, Mendenhall dan Ott (2009), yang menyatakan bahawa had minima peserta kajian bagi kajian tinjauan adalah seramai 30 orang berdasarkan taburan normal (Muhammad Faizal A.Ghani dan Abd. Khalil Adnan,2015). Di samping itu, penekanan pengkaji kepada prinsip etika dalam menjalankan kajian turut dikategorikan sebagai usaha untuk mencapai kebolehpercayaan instrumen kajian. Misalnya, dalam kajian ini pengkaji telah menerima kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak pentadbiran sekolah terlibat sebelum menjalankan kajian.

Instrumen Kajian

Dalam fasa analisis keperluan ini, instrumen soal selidik yang telah dibina berdasarkan gabungan prinsip asas Falsafah Bahasa yang terkandung dalam kerangka model Falsafah Pendidikan Bahasa (Awang Sariyan,1997; 2004) dan model Falsafah Bahasa (Mohd Rashid Md. Idris, 2007; 2012). Dalam proses membina soalan kajian, penelitian dan kesesuaian prinsip asas Falsafah Bahasa dalam kedua-dua model ini diperhalusi oleh pengkaji agar ianya saling melengkapi antara satu sama lain dan bersesuaian dengan aspek yang ingin dikaji. Hasilnya, item soal selidik yang dibina adalah terbahagi kepada enam prinsip asas, iaitu 1) Pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan; 2) Pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu); 3) Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum; 4) Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu; 5) Berbahasa mengikut nahnnya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya; 6) Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Soal selidik ini mengandungi lima bahagian, iaitu Bahagian 1 melibatkan demografi responden yang mengandungi 7 item, Bahagian II (A) adalah Persepsi Guru tentang Konsep Falsafah Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu (7 item), Bahagian II (B) adalah Persepsi Guru tentang Konsep Penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan Pendidikan Bahasa Melayu (7 item), Bahagian II (C) Tahap Kemahiran Guru berkaitan pelaksanaan penyerapan elemen falsafah Bahasa dalam proses pengajaran bahasa Melayu (6 item), Bahagian II (D) Tahap Penerimaan Guru terhadap pelaksanaan Penyerapan elemen Falsafah Bahasa sebagai strategi penyatupaduan Nasional (7 item). Selanjutnya, pandangan peserta kajian mengenai pelaksanaan penyerapan elemen Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional telah diuji menggunakan skala Likert 5 poin seperti berikut:

- 1) Sangat Tidak Setuju
- 2) Tidak Setuju
- 3) Agak Setuju
- 4) Setuju
- 5) Sangat Setuju

Analisis Kajian

Data soal selidik untuk fasa ini dianalisis dengan menggunakan Program Statistical Package for The Social Science versi 22.0. Proses penganalisisan melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan skor min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi. Penggunaan kaedah ini adalah untuk menjawab soalan kajian. Selain itu, untuk tujuan menganalisis tahap persetujuan guru terhadap setiap item, jadual 1 di bawah memaparkan tahap pengukuran yang digunakan hasil pengubahsuaian Zulkifli Awang (2012).

Jadual 5: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi (Tahap Persetujuan)
1.00 hingga 2.49	Rendah dan Tidak memuaskan atau Tidak Perlu
2.50 hingga 3.79	Sederhana dan Agak Memuaskan atau Agak Perlu
3.80 hingga 5.00	Tinggi dan Memuaskan atau Perlu

DAPATAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Jadual 2 memaparkan demografi peserta kajian yang melibatkan seramai 200 orang peserta kajian yang meliputi 100 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di kawasan bandar dan 100 orang lagi merupakan guru yang mengajar di kawasan luar bandar. Berdasarkan jadual di atas, satu rumusan dapat dibuat:

- Seramai 69 orang (50%) guru perempuan dan 31 orang (50%) guru lelaki terlibat sebagai peserta kajian di kawasan bandar. Jumlah dan peratusan yang sama juga melibatkan peserta kajian di kawasan luar Bandar.
- Majoriti peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini di kawasan bandar dan luar bandar berada dalam lingkungan umur antara 41-50. Peserta kajian di bandar seramai 47 orang (53.4%) dan peserta kajian di luar bandar pula ialah seramai 41 orang (46.6%).
- Penglibatan peserta kajian seramai 69 orang (46.9%) berbangsa Melayu, 22 orang (64.7%) berbangsa Cina dan 8 orang (44.4%) berbangsa India di kawasan bandar. Di kawasan luar bandar pula melibatkan seramai 78 orang (53.1%) berbangsa Melayu, 12 orang (35.3%) berbangsa Cina dan 10 orang (55.6%) berbangsa India.
- Terdapat 71 orang (46.7%) peserta kajian di kawasan bandar dan 81 orang (53.3%) di kawasan luar bandar berkelulusan Ijazah Sarjana Muda.
- Terdapat 47 orang (49%) peserta kajian di kawasan bandar dan 49 orang (51%) peserta kajian di kawasan luar bandar mengambil bidang pengkhususan pengajian Pendidikan Bahasa Melayu.
- Seramai 47 orang (46.1%) peserta kajian di kawasan bandar dan 55 orang (53.9%) peserta kajian di kawasan luar bandar mempunyai pengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu lebih 15 tahun.
- Seramai 69 orang (45.7%) peserta kajian di kawasan bandar dan 82 orang (54.3%) di kawasan luar bandar berada di tahap mahir mengajar subjek Bahasa Melayu.

Jadual 6: Demografi Peserta Kajian

Item	Perincian	Lokasi	
		Bandar	Luar Bandar
Jantina	Lelaki	31	31
		50.0%	50.0%
	Perempuan	69	69
		50.0%	50.0%
Umur	21 – 30	11	15
		42.3%	57.7%
	31 – 40	32	21
		60.4%	39.6%
	41 – 50	47	41
		53.4%	46.6%
	>51	10	23
		30.3%	69.7%

Bangsa	Melayu	69	78
	46.9%	53.1%	
	Cina	22	12
	64.7%	35.3%	
	India	8	10
	44.4%	55.6%	
Kelulusan akademik tertinggi	Lain-lain	1	0
	100.0%	0.0%	
	Diploma	20	7
	74.1%	25.9%	
	Ijazah Sarjana Muda	71	81
	46.7%	53.3%	
Bidang pengkhususan	Ijazah Sarjana	8	12
	40.0%	60.0%	
	Lain-lain	1	0
	100.0%	0.0%	
	Pengajian Pendidikan Bahasa Melayu	47	49
	49.0%	51.0%	
Pengalaman Mengajar subjek Bahasa Melayu	Pengajian (Linguistik)	11	8
	57.9%	42.1%	
	Pengajian (Sastera)	13	9
	59.1%	40.9%	
	Lain-lain	29	34
	46.0%	54.0%	
Tahap kemahiran mengajar subjek Bahasa Melayu	Kurang 1 tahun	2	3
	40.0%	60.0%	
	1 – 5 tahun	18	16
	52.9%	47.1%	
	6 – 10 tahun	15	16
	48.4%	51.6%	
	11 – 15 tahun	18	10
	64.3%	35.7%	
	15 tahun ke atas	47	55
	46.1%	53.9%	
	Kurang Mahir	2	0
	100.0%	0.0%	
	Sederhana Mahir	25	16
	61.0%	39.0%	
	Mahir	69	82
	45.7%	54.3%	
	Sangat Mahir	4	2
	66.7%	33.3%	

Persepsi Guru tentang Konsep Falsafah Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu

Jadual 7 membincangkan analisis data terhadap persepsi guru Bahasa Melayu tentang konsep Falsafah Bahasa dalam pendidikan bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan peserta kajian terhadap setiap item dalam konstruk ini adalah tinggi dan sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.33 dan sisihan piawai adalah 0.38 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.44 dan sisihan piawai adalah 0.40. Hasil perincian analisis data mendapati peserta kajian bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan

terhadap pernyataan yang pertama, iaitu “elemen Falsafah Bahasa menekankan konsep kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”. Hal ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.18 dan sisihan piawai 0.52 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.32 dan sisihan piawai adalah 0.57 (P1 : Pengembangan potensi berbahasa Kurniaan Tuhan).

Item 3, iaitu “Elemen Falsafah Bahasa Bermatlamat untuk Pembangunan jati diri murid” memperoleh skor min 4.39 dan sisihan piawai 0.53 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.46 dan sisihan piawai adalah 0.54 (P2 : Pendidikan bahasa upaya membuat penelitian dan berfikir untuk mengembangkan potensi individu). Manakala item 5, iaitu “Kaedah Penyerapan ilmu dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu” memperoleh skor min 4.37 dan sisihan piawai 0.56 dalam kalangan peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.55 dan sisihan piawai adalah 0.50 (P3 : Pendidikan bahasa sebagai satu cabang pendidikan umum). Bagi item 6 pula, iaitu “Kemahiran dan pengetahuan bahasa merupakan asas kepada komunikasi yang baik dan berkesan” memperlihatkan skor min adalah 4.55 dan sisihan piawai adalah 0.54 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.62 dan sisihan piawai adalah 0.53 (P5: Berbahasa mengikut nahu agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya). Item 7 pula, iaitu “Penyampaian fakta yang betul dan sahih dititikberatkan semasa berkomunikasi” menunjukkan skor min 4.35 dan sisihan piawai 0.69 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.32 dan sisihan piawai 0.74 (P6:Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan sahih).

Rumusan yang dapat dibuat tentang persepsi guru Bahasa Melayu tentang konsep Falsafah Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Selain itu, kecenderungan peserta kajian untuk menyerapkan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk penyatupaduan Nasional berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada mereka.

Jadual 7: Persepsi Guru tentang Konsep Falsafah Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu

P*	No. Item	Pernyataan	Bandar (N=100)				Luar Bandar (N=100)			
			Min	Sisihan Piawai	Tahap persetujuan	Interpretasi	Min	Sisihan Piawai	Tahap persetujuan	Interpretasi
1	1	Elemen Falsafah menekankan konsep kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan	4.18	0.52	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.32	0.57	Tinggi	Sangat Memuaskan
2	2	Elemen Falsafah Bahasa menitikberatkan usaha melahirkan murid yang seimbang	4.27	0.53	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.46	0.56	Tinggi	Sangat Memuaskan

2	3	Elemen Falsafah Bahasa bermatlamat untuk Pembangunan jati diri murid	4.39	0.53	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.46	0.54	Tinggi	Sangat Memuaskan
4	4	Elemen Falsafah Bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu penggabungjalinan ialah satu aspek terpenting	4.23	0.55	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.37	0.51	Tinggi	Sangat Memuaskan
3	5	Kaedah penyerapan ilmu dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu	4.37	0.56	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.55	0.50	Tinggi	Sangat Memuaskan
2	6	Kemahiran dan pengetahuan bahasa merupakan asas kepada komunikasi yang baik dan berkesan	4.55	0.54	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.62	0.53	Tinggi	Sangat Memuaskan
6	7	Penyampaian fakta yang betul dan sahih dititikberatkan semasa berkomunikasi	4.35	0.69	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.32	0.74	Tinggi	Sangat Memuaskan
		Keseluruhan	4.33	0.38	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.44	0.40	Tinggi	Sangat Memuaskan

Nota P: Prinsip Asas Falsafah Bahasa*

Prinsip 1: Pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan

Prinsip 2: Pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu)

Prinsip 3: Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum

Prinsip 4: Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu.

Prinsip 5: Berbahasa mengikut nahnnya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya

Prinsip 6: Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Persepsi Guru tentang Konsep Penyatupaduan Nasional dalam Hubungannya dengan Pendidikan Bahasa Melayu

Jadual 8 membincangkan analisis terhadap persepsi guru tentang konsep penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan pendidikan Bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan peserta kajian terhadap setiap item dalam konstruk ini adalah tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan apabila skor min adalah 4.47 dan sisihan piawai adalah 0.47 bagi peserta kajian di kawasan Bandar. Bagi peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.54 dan sisihan piawai adalah 0.40. (P3 : Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum)

Umpamanya, item 6, iaitu "Konsep nasionalisme bahasa perlu didedahkan di dalam kurikulum bahasa Melayu" memperoleh skor min 4.52 dan sisihan piawai adalah 0.59 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan

skor min adalah 4.59 dan sisihan piawai 0.51. Begitu juga dapat dilihat pada item 3 iaitu “Bahasa Melayu akan mewujudkan jati diri sepunya dalam kalangan murid” menunjukkan skor min 4.46 dan sisihan piawai adalah 0.59 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.46 dan sisihan piawai adalah 0.58. Rumusannya, peserta kajian yang mengajar di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan di kawasan bandar dan luar bandar menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan berkaitan pendidikan bahasa sebagai satu cabang pendidikan umum.

Jadual 8: Persepsi Guru tentang Konsep Penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan Pendidikan Bahasa Melayu

P*	No. Item	Pernyataan	Bandar (N=100)				Luar Bandar (N=100)			
			Min	Sisihan Piawai	Tahap persetujuan	Interpretasi	Min	Sisihan Piawai	Tahap persetujuan	Interpretasi
3	1	Penyatuan Nasional berkait rapat dengan status bahasa Melayu selaku bahasa kebangsaan	4.54	0.61	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.58	0.50	Tinggi	Sangat Memuaskan
3	2	Bahasa Melayu merupakan bahasa negara yang wajib dipelihara dan disanjung tinggi	4.41	0.68	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.54	0.52	Tinggi	Sangat Memuaskan
3	3	Bahasa Melayu akan mewujudkan jati diri sepunya dalam kalangan murid	4.46	0.59	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.46	0.58	Tinggi	Sangat Memuaskan
3	4	Bahasa Melayu dapat memupuk perkembangan minda patriotik dalam kalangan murid	4.53	0.59	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.52	0.50	Tinggi	Sangat Memuaskan
3	5	Penegasan tentang kepentingan bahasa Melayu perlu sentiasa diterapkan dalam kalangan murid	4.33	0.65	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.48	0.54	Tinggi	Sangat Memuaskan

3	6	Konsep nasionalisme bahasa perlu didehdahkan di dalam kurikulum bahasa Melayu	4.52	0.59	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.59	0.51	Tinggi	Sangat Memuaskan
3	7	Bahasa Melayu melambangkan imej bangsa Malaysia	4.48	0.59	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.60	0.53	Tinggi	Sangat Memuaskan
		Keseluruhan	4.47	0.47	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.54	0.40	Tinggi	Sangat Memuaskan

Nota P: Prinsip Asas Falsafah Bahasa*

Prinsip 1: Pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan

Prinsip 2: Pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu)

Prinsip 3: Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum

Prinsip 4: Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu.

Prinsip 5: Berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya

Prinsip 6: Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Tahap Kemahiran Guru berkaitan Pelaksanaan Penyerapan Elemen Falsafah Bahasa dalam Proses Pengajaran Bahasa Melayu

Jadual 9 memaparkan analisis data terhadap tahap kemahiran guru berkaitan pelaksanaan penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam proses pengajaran bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan peserta kajian terhadap setiap item dalam konstruk ini juga adalah tinggi dan iterpretasi yang sangat memuaskan apabila skor min adalah 4.15 dan sisihan piawai adalah 0.34 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.23 dan sisihan piawai adalah 0.40.

Bagi item 1, iaitu “Penyerapan ilmu dan nilai dilaksanakan semasa pengajaran sistem dan kemahiran bahasa” memperlihatkan skor min adalah 4.27 dan sisihan piawai adalah 0.45 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.37 dan sisihan piawai adalah 0.53 (P4 : Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu). Dalam hal ini, jelaslah bahawa peserta kajian tiada masalah untuk menyerapkan ilmu dan nilai dalam pengajaran sistem dan kemahiran bahasa.

Selain itu, item 5 pula, iaitu “Penyerapan aspek kesantunan bahasa dititikberatkan semasa pengajaran sistem bahasa” memperlihatkan skor min adalah 4.35 dan sisihan piawai adalah 0.52 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di luar bandar pula memperlihatkan skor min sebanyak 4.39 dan sisihan piawai adalah 0.60 (P5 : Berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya). Pada keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa tahap kemahiran dan pengalaman peserta kajian mengajar Bahasa Melayu memungkinkan penyerapan elemen Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional dapat dilaksanakan.

Jadual 9: Tahap Kemahiran Guru berkaitan elemen-elemen Falsafah Bahasa untuk dilaksanakan dalam proses pengajaran bahasa Melayu

P*	No. Item	Pernyataan	Bandar (N=100)				Luar Bandar (N=100)			
			Min	Sisihan Piawai	Tahap persetujuan	Interpretasi	Min	Sisihan Piawai	Tahap persetujuan	Interpretasi
4	1	Penyerapan ilmu dan nilai dilaksanakan semasa pengajaran sistem dan kemahiran bahasa	4.27	0.45	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.37	0.53	Tinggi	Sangat Memuaskan
4	2	Penekanan kepada pemilihan bahan rangsangan yang mengandungi unsur kemahiran berfikir	4.36	0.48	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.32	0.60	Tinggi	Sangat Memuaskan
3	3	Kurikulum bahasa Melayu perlu menitikberatkan nilai sejahtera seperti keadilan, toleransi dan keamanan	4.15	0.58	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.24	0.55	Tinggi	Sangat Memuaskan
1	4	Penyerapan nilai kesyukuran terhadap anugerah bahasa daripada Tuhan membimbing murid untuk menghargai bahasa dengan lebih baik	4.25	0.58	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.40	0.55	Tinggi	Sangat Memuaskan
5	5	Penyerapan aspek kesantunan bahasa dititikberatkan semasa pengajaran sistem bahasa	4.35	0.52	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.39	0.60	Tinggi	Sangat Memuaskan
6	6	Pemilihan sumber pengajaran yang sah dan tepat dititikberatkan semasa pengajaran bahasa Melayu	4.32	0.55	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.32	0.55	Tinggi	Sangat Memuaskan
		Keseluruhan	4.15	0.34	Tinggi	Sangat Memuaskan	4.23	0.40	Tinggi	Sangat Memuaskan

Nota P: Prinsip Asas Falsafah Bahasa*

Prinsip 1: Pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan

Prinsip 2: Pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu)

Prinsip 3: Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum

Prinsip 4: Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu.

Prinsip 5: Berbahasa mengikut nahnnya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya

Prinsip 6: Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Tahap Penerimaan Guru terhadap Pelaksanaan Penyerapan Elemen Falsafah Bahasa sebagai Strategi Penyatupaduan Nasional

Jadual 10 mengupas dapatan mengenai tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan penyerapan elemen Falsafah Bahasa sebagai strategi penyatupaduan Nasional. Pada keseluruhannya, data yang dianalisa menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian di kawasan bandar dan di luar bandar. Ianya dapat dilihat melalui skor min adalah 4.42 dan sisihan piawai adalah 0.42 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memaparkan skor min adalah 4.51 dan sisihan piawai adalah 0.42.

Item 4, iaitu “Penyerapan elemen Falsafah Bahasa memperkuatkkan rasa hormat dan kepatuhan kepada Perlembagaan Malaysia” memperlihatkan skor min adalah 4.37 dan sisihan piawai 0.53 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.57 dan sisihan piawai adalah 0.52 (P4 : Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu). Begitu juga item 6, iaitu “Penyerapan elemen Falsafah Bahasa mendidik murid berkomunikasi dengan adab dan kesantunan berbahasa” menunjukkan skor min adalah 4.42 dan sisihan piawai adalah 0.55 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula memperlihatkan skor min adalah 4.52 dan sisihan piawai 0.54 (P5: Berbahasa mengikut nahnnya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya).

Apa yang lebih penting pernyataan pada item 7, iaitu “Penyerapan elemen Falsafah Bahasa mampu menjadi strategi untuk penyatupaduan murid pelbagai etnik” menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan. Ini dapat dilihat melalui skor min adalah 4.49 dan sisihan piawai adalah 0.54 bagi peserta kajian di kawasan bandar. Peserta kajian di kawasan luar bandar pula menunjukkan skor min adalah 4.50 dan sisihan piawai adalah 0.50 (P4:Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu). Tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian ini menggambarkan peserta kajian menyedari kepentingan keperluan penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk penyatupaduan Nasional.

Jadual 10: Tahap Penerimaan Guru terhadap Penyerapan elemen Falsafah Bahasa Dalam Pengajaran bahasa Melayu sebagai Strategi Penyatupaduan Nasional

K*	No. Item	Pernyataan	Bandar (N=100)				Luar Bandar (N=100)			
			Min	Sisi han Pia wai	Tahap perset ujuan	Interp retasi	Min	Sisi han Pia wai	Tahap perset ujuan	Interp retasi
3	1	Penyerapan elemen Falsafah Bahasa menyedarkan murid tentang kepentingan bahasa Melayu	4.46	0.52	Tinggi	Sangat Memu askan	4.52	0.50	Tinggi	Sangat Memu askan
2	2	Penyerapan elemen Falsafah Bahasa mampu memupuk semangat nasionalisme dalam diri murid	4.42	0.59	Tinggi	Sangat Memu askan	4.52	0.52	Tinggi	Sangat Memu askan
3	3	Penyerapan elemen Falsafah Bahasa memperkuuhkan prinsip yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan	4.36	0.54	Tinggi	Sangat Memu askan	4.48	0.58	Tinggi	Sangat Memu askan
4	4	Penyerapan elemen Falsafah Bahasa memperkuuhkan rasa hormat dan kepatuhan kepada Perlembagaan Malaysia	4.37	0.53	Tinggi	Sangat Memu askan	4.57	0.52	Tinggi	Sangat Memu askan
6	5	Penyerapan elemen Falsafah Bahasa membentuk guru yang serba boleh dalam menyampaikan isi pengajaran kepada murid	4.40	0.55	Tinggi	Sangat Memu askan	4.46	0.56	Tinggi	Sangat Memu askan
5	6	Penyerapan elemen Falsafah Bahasa mendidik murid berkomunikasi dengan adab dan kesantunan berbahasa	4.42	0.55	Tinggi	Sangat Memu askan	4.52	0.54	Tinggi	Sangat Memu askan
4	7	Penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu mampu menjadi strategi untuk penyatupaduan murid pelbagai etnik	4.49	0.54	Tinggi	Sangat Memu askan	4.50	0.50	Tinggi	Sangat Memu askan
		Keseluruhan	4.42	0.42	Tinggi	Sangat Memu askan	4.51	0.42	Tinggi	Sangat Memu askan

Nota P: Prinsip Asas Falsafah Bahasa*

Prinsip 1: Pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan

Prinsip 2: Pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu)

Prinsip 3: Pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum

Prinsip 4: Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu.

Prinsip 5: Berbahasa mengikut nabunya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya

Prinsip 6: Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

PERBINCANGAN

Dapatan bagi soalan kajian 1 berkenaan persepsi guru tentang konsep Falsafah Bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa peserta kajian di bandar dan di luar bandar mempunyai tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap Ketujuh-tujuh item yang dikemukakan. Perkara ini jelas dilihat melalui skor min keseluruhan peserta kajian di bandar ialah 4.33 dan di luar bandar ialah 4.44. Item 1, iaitu “Elemen Falsafah Bahasa menekankan konsep kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” menunjukkan skor min 4.18 di bandar dan 4.32 di luar bandar. Dapatan ini menyokong dapatan sorotan kajian berkaitan pengembangan potensi berbahasa kurniaan Tuhan yang harus dihargai untuk digunakan sebagai wahana pembinaan insan dan pembangunan masyarakat. Dengan rasa kesyukuran inilah individu tidak akan sesekali menggunakan bahasa untuk tujuan cacian, fitnah dan sebagainya yang akan membawa keruntuhan sebuah negara (Awang Sariyan, 2004; 2005; 2014; Hashim Musa,2006; 2008; Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul, 2010; Mohd Rashid Md Idris ,2012).

Item kedua, iaitu “Elemen Falsafah Bahasa menitikberatkan usaha melahirkan murid yang seimbang” mencapai tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian di bandar dan di luar bandar. Falsafah Pendidikan bahasa itu mestilah mempunyai keselarian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan khususnya daripada segi upaya pengembangan berterusan potensi individu secara seimbang dan harmonis daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (Awang Sariyan, 2004; Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul, 2010). Item ketiga pula, iaitu “Elemen Falsafah Bahasa bermatlamat untuk pembangunan jati diri murid” turut mencapai tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Dapatan ini telah menyokong pendapat Hashim Musa dan Rozita Che Rodi (2010) yang menegaskan bahawa fungsi bahasa bukan sekadar menjadi alat dan wadah komunikasi, tetapi bahasa juga amat besar peranannya dalam membentuk jati diri dan memupuk semangat kekitaan masyarakat penuturnya. Penegasan yang sama telah dikemukakan oleh Awang Sariyan (2010), iaitu hubungan antara bahasa dengan sesuatu bangsa suatu perkara yang penting untuk difahami dengan mendalam agar bahasa tidak dinilai daripada sudut yang sempit, iaitu sebagai alat komunikasi semata-mata. Ini kerana, peranan bahasa sebagai roh atau jiwa sesuatu bangsa yang membentuk asas jati diri.

Item keempat dan kelima yang memerihalkan kepentingan aspek penggabungjalinan dan kaedah penyerapan ilmu dalam pendidikan bahasa Melayu turut mendapat tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Dapatan ini menyokong dan memperkuuhkan dapatan sorotan kajian Awang Sariyan

(1997;2004) dan Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul (2010) bahawa penggabungjalinan merupakan aspek yang penting untuk mengintegrasikan segala kemahiran berbahasa dengan sistem bahasa. Dalam pengajaran bahasa, guru seharusnya dapat menggabungjalinkan kedua-dua komponen utama itu agar pelajar memperoleh penguasaan bahasa yang sempurna. Selain itu, pengajaran bahasa Melayu perlu menekankan strategi penyerapan ilmu dan nilai. Dalam konteks pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Bahasa, strategi penyerapan bertujuan untuk mengisi aspek kandungan dan warisan yang perlu diperkenalkan kepada generasi muda dalam usaha mengekalkan dan meningkatkan penyatupaduan bangsa.

Item keenam dan ketujuh pula merujuk kepada kepentingan aspek kemahiran dan pengetahuan bahasa satu kepentingan penyampaian fakta yang betul dan sahih dititikberatkan dalam komunikasi yang baik dan berkesan. Kedua-dua item ini juga memperoleh tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian. Dapatkan ini menyokong daptan sorotan kajian Mohd Rashid Md Idris (2007; 2012), bahawa kemahiran dan pengetahuan bahasa merupakan asas kepada seseorang itu untuk menggunakan bahasa itu dengan baik dan berkesan. Menguasai kemahiran asas seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis bertujuan untuk berkomunikasi, menggunakan dalam kehidupan seharian, dalam pekerjaan dan sebagainya. Apabila seseorang guru dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik, maka proses pengajaran dapat berjalan dengan lancar tanpa ada kekeliruan yang timbul. Manakala, dari proses pengetahuan berbahasa pula, guru perlulah menguasai sistem nahu dalam bahasa Melayu dengan sebaik-baiknya dari segi tatabahasa morfologi, sintaksi dan semantik. Hal ini sangat penting kerana proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bertunjangkan kepada guru itu sendiri. Jika murid tidak memahami segala perkara yang disampaikan guru, maka guru tersebut dikatakan gagal mencapai sesuatu objektif pengajaran. Selain itu, seseorang perlulah menggunakan bahasa bagi menyampaikan fakta yang betul dan benar dan bukannya fakta yang palsu ataupun dengan cara berbohong. Bagi seseorang guru, mereka bertanggungjawab terhadap segala maklumat yang disampaikan kepada murid. Dengan itu, dalam bidang pendidikan memerlukan guru mengajar mengikut sukan pelajaran yang telah ditetapkan supaya guru menyampaikan fakta yang betul dan mengikut perancangan. Guru juga tidak boleh memberi maklumat yang palsu kepada murid-murid atau menghilangkan sebahagian maklumat yang ingin disampaikan. Selain itu, guru juga berperanan mendidik, membimbing, menasihat dan sebagainya. Dengan itu, sebagai pembimbing guru memberikan nasihat yang sempurna kepada murid supaya nasihat tersebut dapat diterima oleh mereka. Guru juga perlu menyampaikan maklumat yang tepat dan bukannya dengan mereka-reka cerita dalam menasihati murid.

Dapatkan kajian bagi soalan kajian kedua berkaitan dengan persepsi guru tentang konsep penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan pendidikan Bahasa Melayu. Pada keseluruhannya analisis menunjukkan peserta kajian mempunyai tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap tujuh item yang dikemukakan. Ini dibuktikan melalui skor min peserta kajian di bandar ialah 4.47 dan di luar bandar pula ialah 4.54. Berdasarkan daptan ini juga membuktikan bahawa peserta kajian yang terdiri daripada guru Bahasa telah menyedari bahawa Bahasa Melayu berperanan sebagai alat penyatupaduan Nasional. Dapatkan ini menyokong sorotan kajian Teo Kok Seong (2010; 2015), iaitu ideologi bahasa kebangsaan perlu dipupuk terutama dalam kalangan generasi muda agar dapat mengungkapkan jati diri nasional melalui bahasa Melayu, malah berbangga mengidentifikasi diri mereka dengan Bahasa Melayu. Dalam hal ini, murid perlu dididik untuk menjawai bahasa Melayu yang menjadi elemen penyatupaduan Nasional selain mampu melahirkan masyarakat Malaysia yang megah terhadap bahasa kebangsaannya.

Berdasarkan dapatan dari soalan kajian ketiga berkaitan tahap kemahiran guru berkaitan elemen Falsafah Bahasa dilaksanakan dalam proses pengajaran Bahasa Melayu memaparkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan peserta kajian di bandar dan di luar bandar. Dapatan ini memungkinkan penyerapan ilmu dan nilai dilaksanakan semasa pengajaran sistem dan kemahiran bahasa. Dapatan ini selari dengan dapatan sorotan kajian Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul (2010) bahawa falsafah pendidikan bahasa Melayu ini sebenarnya merupakan suatu gagasan falsafah yang mementingkan konsep pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa Melayu. Pendekatan bersepadu ini bermaksud berlakunya proses penyerapan dan penggabungjalinan bahasa dengan aspek-aspek lain semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahu melahirkan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sehubungan dengan itu, konsep kesepaduan ilmu ini mementingkan penyerapan nilai murni dan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam memastikan gagasan pendekatan bersepadu pendidikan bahasa Melayu tercapai, guru merupakan salah satu pihak yang memainkan peranan yang besar dalam menggerakkan konsep ini. Hal ini demikian, guru merupakan pihak yang berhubung secara langsung dalam memberikan ilmu dan pendidikan kepada murid.

Dapatan kajian bagi soalan kajian keempat berkaitan dengan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan Falsafah Bahasa sebagai strategi penyatupaduan Nasional juga menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan. Peserta kajian bersetuju pada tahap yang tinggi bahawa melalui penyerapan elemen Falsafah Bahasa mampu memupuk semangat nasionalisme dalam diri murid. Dapatan ini selari dengan dapatan sorotan kajian bahawa konsep “nasionalisme bahasa” menjadi asas penting dalam pembentukan konsep kenegaraan melalui dasar-dasar tertentu, terutama Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Di samping itu, bahasa Melayu mampu menjadi salah satu asas kebangkitan nasionalisme. Ini terbukti, apabila Bahasa Melayu menjadi asas tuntutan kemerdekaan dan salah satu asas pembinaan negara (Awang Sariyan, 2010; Teo Kok Seong, 2013; 2015).

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, dapatan dari fasa analisis keperluan ini menunjukkan persepsi, penerimaan dan kesediaan yang tinggi dalam kalangan peserta kajian yang mengajar di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan Bandar dan di luar Bandar mengikut zon di semenanjung Malaysia terhadap usaha penyerapan elemen Falsafah Bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu. Didapati peserta kajian mengakui bahawa penguasaan kepada ilmu-ilmu lain melalui kaedah penyerapan ilmu adalah penting. Dalam hal ini juga, peserta kajian bersetuju bahawa penyatupaduan Nasional berkait rapat dengan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Berdasarkan, penerimaan dan jawapan positif dari peserta kajian akan mewujudkan keperluan untuk pembangunan model Falsafah Bahasa untuk penyatupaduan Nasional, seperti yang dicadangkan dalam kajian ini. Justeru itu, penekanan kepada pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu sangat mustahak untuk diusahakan untuk memperkuatkan lagi penyatupaduan nasional yang sedia ada.

RUJUKAN

- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). *Analisis Keperluan Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain bagi Pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah*. Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik 3(1):1-8.
- Ary,D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. (1990). *Introduction to research in education*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Awang Sariyan. (1997). *Falsafah Pendidikan Bahasa: Kajian tentang Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia dengan Rujukan Khusus kepada Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2010). *Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Bangsa*. Syarahan Bahasa sebagai Penyandang Kursi Pengajian Melayu Malaysia-China anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan IPG Tengku Ampuan Afzan. Kuala Lipis, 25 Februari.
- Awang Sariyan. (2014). *Peranan Bahasa Dalam Pembinaan Insan dan pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE approach*. New York, NY: Springer.
- Cohen, L., Manion, L., Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education (6th ed)*. New York: Routledge.
- Chua Y.P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- DeWitt, D. (2010). *Development of collaborative mLearning module on nutrition for Form Two students*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Fraenkel, Jack R. dan Norman E.Wallen. 1993. *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: Mc Graw-Hill Inc.
- Gagne, M. R., Wager, W. W., Golas, K. C., & Keller, J. M. (2005). *Principles of instructional design (5th ed.)*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Hassan Omar. (2014). *SJK perlu pertingkat program pembelajaran bahasa Melayu*. Berita Harian. pp. 27.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2010). *Pemupukan Perpaduan dan Semangat Cinta Negara Malaysia di Kalangan Rakyat Jelata*. Dlm. Mohd Sharifudin bin Yusof, et al. Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-VI, hal.1-18. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 05-06 Oktober.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). *Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional*. Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan (SOSIOHUMANIKA) Bandung, Indonesia, v.4 (1), 33-47.
- Mohd Rashid Md Idris. (2007). *Falsafah Bahasa: Nilai Estetik dan Intelek dalam Pantun*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul. (2010). *Falsafah Pendidikan Bahasa*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). *Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid)*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Muhammad Faizal A. Ghani. (2008). *Pembentukan model keberkesanan dan penambahbaikan sekolah di Malaysia*. Disertasi Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Faizal A.Ghani & Abd. Khalil Adnan. (2015). *Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 2,2,1-16.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Hamidah Yamat. (2013). *Faktor Jantina, kaum, aliran kelas dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari Bahasa Melayu*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol.3 (1) 2013:12-23.
- Rashidah Mamat. (2013). *Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih Komsas dalam bahasa Inggeris Tingkatan Empat*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reinbold, S. (2013). *Using the ADDIE model in designing library instruction*. Medical Reference Services Quarterly. 32 (3), 244 – 256.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research*. New York, NY: Routledge.
- Saedah Siraj. (2008). *Kurikulum Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.
- Shamsul Amri. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2014). *Perpaduan, Kesepaduan, Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berh.
- Teo Kok Seong. (2013). *Konsep dan Cabaran Penyatupaduan Nasional*. Laporan Prakongres Profesor Negara 11 Gagasan Penyatupaduan Nasional. Kuala Lumpur, Malaysia, 9-10 November.
- Teo Kok Seong. (2015). *Prasangka terhadap Bahasa Melayu perlu dihentikan*. Berita Harian. pp. 27.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamad Amin Embi & Sharala A/P Subramaniam (2014). *Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar Asing*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol.4 (2): 25-35.